

Negara kehilangan pemimpin komited

KUALA LUMPUR 23 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan pemergian ke rahmatullah Tun Ghafar Baba sebagai satu kehilangan besar kepada negara kerana beliau adalah pemimpin yang sentiasa komited untuk berkhidmat kepada rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan status sosial.

"Saya dan rakyat berasa sedih dan dukacita atas kehilangan Tun Abdul Ghafar Baba, tokoh negara dan bangsa yang banyak berjasa kepada negara dan bangsa serta U M N O dan Barisan Nasional.

"Ahli-ahli U M N O hari ini kehilangan seorang tokoh besar di dalam parti; seorang ahli dan pemimpin U M N O yang telah berjuang sejak usaha untuk mencapai kemerdekaan dan kekal setia kepada parti baik semasa senang mahupun semasa susah, baik ketika memegang jawatan penting dalam kerajaan dan parti mahupun ketika menjadi ahli biasa," katanya ketika dihubungi *Bernama* hari ini.

Abdullah berkata, Ghafar dikenali sebagai suara yang sentiasa peka dalam menyampaikan pandangan rakyat biasa dan rakyat bawahan.

"Kepada parti-parti komponen Barisan Nasional, kita kehilangan seorang tokoh yang telah memperlihatkan kematangan yang sentiasa menyampaikan suara perimbangan terutama dalam perkara yang menyentuh isu sensitif berkaitan agama, kaum, budaya dan bahasa," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam tempoh memenuhi tanggungjawab sebagai Setiausaha Agung Barisan Nasional, Ghafar berperanaa sebagai 'penstabil' kepada komponen-komponen parti berdasarkan pemikiran matang dan sifat rasional yang diamalkan beliau.

"Bagi pihak negara dan rakyat, dengan penuh rasa hiba, saya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham.

"Kita amat menghargai dan berterima kasih kepada ahli-ahli keluarga Allahyarham kerana merelakan Allahyarham mengorbankan sebahagian besar daripada usia dan kehidupan untuk berkhidmat kepada negara, bangsa dan parti.

Kita sama-sama berdukacitakan dan bersimpati atas kesedihan yang dirasakan oleh ahli-ahli keluarga mengikuti saat-saat akhir kehidupan Allahyarham dan akhirnya menerima takdir Ilahi ini," katanya.

Abdullah mendoakan semoga keluarga Allahyarham diberikan ketabahan, kesabaran dan ketenangan menghadapi ujian Ilahi ini.

"Sama-samalah kita berdoa semoga Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan para solehin, di kalangan orang soleh yang banyak berjasa dan beramal," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebagai tanda penghargaan negara kepada Ghafar kerana khidmat dan jasanya kepada negara dan rakyat, kerajaan telah memutuskan supaya urusan pengebumian diberikan status pengebumian negara dan jenazah disemadikan di Makam Pahlawan.

"Saya pula akan membawa usul ucapan takziah di Parlimen," kata Abdullah.

Ghafar meninggal dunia di Pusat Perubatan Gleneagles Intan di sini pada pukul 7-34 pagj ini setelah dirawat selama 90 hari di situ.